

## **KONSEP KHATAM AL-NUBUWWAH DAN AGAMA YANG SEMPURNA**

Oleh: Sayyid Abū al-Hasan ‘Āli al-Nadwī  
Terjemahan: Abdul Karim Ali

### **Abstract**

*Sayyid Abū al-Hasan ‘Āli al-Nadwī in this book the Final Prophet dan the Perfect Religion attempts to promote the perfectness of Islam based on the concept of Khatam al-Nubuwah - the finality of prophethood. There is a distinctive and distinguished concept in Islam pertaining to the finality of prophethood. The finality of prophethood prevents any claimant to prophecy as contrast to what had happened in Judaism and Christianity. It also intends to repudiate and refute the teachings of Qadianism especially regarding to the claim of Mirza Ghulam Ahmad to prophecy. Part of the discussion based on Scriptures as well as history give light on the fortunateness of Islam compared to other religions as Judaism and Christianity. The article also touches on Buddhism in which it tried to abolish idolatry or worship of idols, but it ended with a religion that worships Buddha, its founder.*

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

*“Hari ini Aku sempurnakan agama kamu dan Aku sempurnakan kepada mu nikmat-nikmatKu dan Aku reda Islam sebagai al-Dīn”*  
*(al-Qur'an 5:3)*

Sejauh yang saya maklumi, seminar ini merupakan yang julung-julung kali diadakan di Darul ‘Ulum, Deoband mengenai fahaman Qadiani yang mana kertas-kertas yang dibentangkan cuba menganalisa tahap keintelektualan dan dasar agamanya. Mereka yang mengikuti seminar ini sebenarnya amat bertuah kerana dapat menghayati perbincangan sangat ilmiah. Saya memohon kemaafan kerana kemungkinan tidak dapat mengambil peluang ini sepenuhnya. Saya juga memohon kemaafan daripada pihak pengajur seminar kerana terpaksa meninggalkan majlis ini untuk tugas-tugas yang mendesak di tempat lain. Sekarang saya akan merujuk kepada beberapa aspek

mengenai isu yang dibincangkan dari pandangan seorang pengkaji al-Quran, perbandingan agama dan sejarah. Saya akan berucap tentang tajuk ini khususnya kepada mereka yang telah mempersiapkan diri mereka untuk berkhidmat kepada Islam.

Kajian terhadap al-Quran menunjukkan bahawa ajaran Islamiah dan pemeliharaan daripada sebarang penyelewengan merupakan dua tuntutan utama yang penting demi kesinambungan kewujudan sesebuah agama. Kedua-dua perkara ini amat penting sehingga Allah sendiri telah berjanji akan memelihara dan menjaganya dalam hal berkaitan Islam.

Al-Quran mengandungi rujukan khusus berkenaan penyebaran Islam. Firman Allah Ta'ala:

*“Dialah Tuhan yang telah mengutuskan RasulNya dengan petunjuk dan Agama kebenaran untuk dimenangkan ke atas segala agama walaupun orang-orang musyrik membencinya” (9:33).*

Sekali lagi ia diulang dalam ayat yang lain:

*“Mereka ingin memadamkan cahaya Allah dengan mulut-mulut mereka tetapi Allah tidak membenarkannya tetapi menyempurnakannya walaupun orang-orang kafir membencinya” (9:32).*

Perkataan “agar Allah memenangkan Islam ke atas segala agama” adalah jelas merujuk kepada kekuatan dan pengaruh Islam ke atas agama-agama lain, bukan hanya semata-mata daripada aspek pentadbiran dan politik sahaja, tetapi juga dari aspek intelektual.

Nabi Muhammad s.a.w telah dijanjikan seperti berikut :

*“Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan, Dan kamu akan melihat manusia berbondong-bondong memasuki agama Allah, Maka hendaklah kamu bertasbih dengan memuji TuhanMu dan beristighfarlah sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat” (110:1-3).*

Junjungan Nabi s.a.w telah beberapa kali menyaksikan “manusia berbondong-bondong memasuki agama Allah”. Islam juga menerima begitu ramai manusia memeluknya dalam beberapa peristiwa lain.

Surah al-Nur sebaliknya menjanjikan kepada orang-orang muslim bahawa:

*“Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman daripada kamu dan yang beramal soleh untuk melantik mereka sebagai Khalifah di bumi ini sebagaimana Allah telah melantik orang-orang sebelum mereka dan Ia juga (berjanji) akan memperteguhkan agama*

### Konsep *Khatam Al-Nubuwah* dan Agama Yang Sempurna

*mereka yang Allah redai serta menggantikan ketakutan mereka dengan keamanan” (24:55).*

Frasa “*Dia (Allah) akan memperteguhkan agama mereka yang Allah redai*” sebenarnya merujuk kepada penyebaran agama Islam ke seluruh pelusuk dunia. Kenyataan ini disahkan oleh ayat lain di mana Allah berfirman, maksudnya:

*“Orang-orang yang sekiranya Kami memperteguhkan mereka di bumi ini, mereka akan mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengajak berbuat kebaikan dan mencegah kejahatan” (22:41).*

Jaminan dan janji yang diberikan dalam ayat-ayat di atas adalah penuh pengertian, komprehensif serta kata-kata yang mencabar pemikiran. Dan sejarah sendiri menjadi saksi kebenaran samada secara tersurat ataupun tersirat.

Berkenaan pemeliharaan agama Islam ini dalam bentuknya yang asli, al-Quran telah memberi jaminan dalam satu ayat yang amat nyata, satu kebenaran yang disahkan oleh sejarah. Ia berbunyi, maksudnya:

*“Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan al-Quran dan Kami jugalah yang akan memeliharanya” (15:9).*

Ia merupakan satu pengisyiharan yang jelas tanpa boleh ditakwilkan lagi bahawa Allah akan menjaga serta memelihara mesejNya. Tanggungjawab memelihara Al-Quran di sepanjang zaman dipikul oleh Allah sendiri.

Saya tidak mengatakan bahawa sejarah tidak mendedahkan dirinya selaras dengan wahyu al-Quran, tetapi saya akan mengatakan bahawa ia membuktikan ketepatan mesej Tuhan yang terkandung dalam al-Quran. Sejarah memberitahu kita bahawa terdapat agama-agama yang telah mencapai kejayaan yang amat gemilang; sebahagiannya melebarkan pengaruh sehingga separuh dunia, sebahagian yang lain mendapat sokongan satu perempat dunia. Manakala yang lain masih mempunyai pengikut yang menyebarkannya dari satu tempat ke tempat lain di dunia ini. Ada dua yang boleh disebut di antara agama yang paling tersebar dan amat mempengaruhi pemikiran dan sosial manusia. Salah satunya ialah agama Buddha, iaitu yang telah menguasai keseluruhan Asia Tengah, merangkumi Turkistan and Afghanistan (termasuk Samarkand dan Bukhara) hingga ke Syria. Penggalian Taxila dan Patliputra menceritakan pengaruhnya ke atas kawasan daripada timur laut India sampai ke barat daya India yang dikenali sekarang sebagai Rawalpindi dan Islamabad. Ia meninggalkan pengaruhnya sehingga ke kawasan pantai Laut Mediterranean di mana kesannya terhadap budaya dan arkitek di kawasan tersebut dapat dilihat dengan jelas. Agama Buddha tersebar ke sebahagian besar dunia dan ia merupakan agama yang masih hidup di negeri-negeri seperti China dan Jepun.

Agama Kristian yang datang kemudian yang berasal dari Palestin telah sampai ke Eropah dan dianggap sebagai agama rasmi Empayar Byzantine. Negeri-negeri yang melingkari Laut Mediterranean telah disapu masuk ke dalam jaringnya. Manakala Constantinople pula menjadi ibukota politik dan agama Kristian. Selepas itu, ia berjaya menawan keseluruhan Eropah dan Amerika.

Namun begitu, sejarah juga menceritakan kepada kita, suatu yang nampak aneh dan janggal iaitu kejayaan gemilang yang dikecapi oleh dua agama ini dalam aspek kepercayaan yang dibawanya telah dipadankan dengan kegagalan memelihara spiritual dalaman dan ajaran-ajaran mereka. Kedua-duanya menjadi mangsa kepada pengaruh-pengaruh luar serta konspirasi dalaman.

Sejarah agama Buddha menunjukkan bahawa ia mahu mengubah dan membuat pembaharuan terhadap pengelasan sistem kasta masyarakat India dan berjuang menentang penyembahan berhala, tetapi ia sendiri akhirnya menjadi mangsa kepada penyembahan kepada Buddha, patung berhala yang disembah dan pembuatan patung. Jawahar Lal Nehru menulis dalam *the Discovery of India*, berdasarkan authoriti para sejarawan Hindu yang lain, mengatakan bahawa agama Buddha tenggelam dan karam kepada sesuatu yang dia sendiri mahu hapuskan.<sup>1</sup>

C.V. Vaidya, seorang ahli sejarah Hindu menulis dalam *the History of Mediaeval Hindu India*:

“Kedua-duanya - Hinduism dan Buddhism - pada masa itu adalah sama sahaja dari segi penyembahan berhala. Kalau pun ada perbezaan ialah mungkin ajaran Buddha berjaya mengalahkan agama Hindu dalam aspek penyembahan berhala yang keterlaluan. Agama ini (Buddha) sebenarnya bermula dengan menafikan tuhan, tetapi kemudiannya berakhir dengan menjadikan Buddha itu sendiri sebagai Tuhan yang maha berkuasa. Perkembangan terkemudian, agama Buddha telah menerima penambahan tuhan-tuhan lain seperti Bodhistavas dan penyembahan patung Buddha terutamanya di Mahayana School. Ia berkembang dalam dan luar India sehingga perkataan ‘patung atau berhala’ dalam bahasa Arab merujuk kepada Buddha itu sendiri”.<sup>2</sup>

Saya sendiri sebenarnya telah menyaksikan penggalian di Taxila yang mengandungi begitu banyak patung-patung Buddha, yang menyebabkan seseorang itu merasa benci dengannya (patung-patung). Terdapat beratus-ratus patung, kalau tidak pun beribu-ribu daripada pelbagai bentuk dan saiz, kecil besar, kasar atau halus seni

<sup>1</sup> Lihat *Discovery of India*.

<sup>2</sup> C.V. Vaidya, *History of Mediaeval Hindu*, India, vol. I, Poona (1924), ms. 101.

buatannya. Ia betul-betul ganjil dan pelik; agama yang datang untuk menghapuskan penyembahan berhala dan patung tetapi sebaliknya mengambilnya dengan begitu menarik sehingga nama Buddha amat signifikan dengan berhala dan penyembahan Buddha telah memberi input istilah baru kepada beberapa bahasa baru mengenai penyembahan patung. Penyembahan hero, meditasi dan tafakur tentang manusia adalah matlamat akhir sistem pemikiran orang-orang Buddha.

Sejarah memaparkan satu bentuk yang sama mengenai penyimpangan dan penyelewengan agama Kristian dari jalannya yang sebenar pada peringkat awal. Dalam tempoh 100 tahun bermula, St. Paul (10-66 AD) telah melakukan konspirasi untuk mengantikan akidah kepercayaan orang-orang Kristian, bentuk pengibadatan dan undang-undang sosial dengan beberapa set idea dan amalan baru yang mana hanya mengiktiraf Jesus Christ (Nabi Isa) dari segi namanya sahaja. Agama Kristian baru iaitu agama hasil daripada otak St. Paul, menerima konsep Triniti pada akhir abad ke-4M. *New Catholic Encyclopaedia* mengaku bahawa doktrin Triniti tidak dikenali oleh generasi Kristian awal dan ia merupakan perkembangan terkemudian.

“Pembentukan formula Triniti ‘satu Tuhan dalam tiga orang’ dan pengakuan keimanan terhadapnya tidak ditanam secara mantap dalam kehidupan orang-orang Kristian sebelum abad ke-4M. Tetapi secara ringkasnya, pembentukan ini pada mulanya dipanggil Dogma Triniti (Trinitarian Dogma). Pada pandangan *the Apostolic Fathers* dogma atau doktrin ini langsung tidak pernah mendekati atau secara jauhnya mendekati mentaliti tersebut”.<sup>3</sup>

Malah Ernest De Bunsen, seorang lagi ilmuan Kristian, lebih berterus terang menerima bahawa :

“sistem doktrin yang direkodkan dalam *the New Testament* bukanlah satu-satunya ajaran Jesus Christ samada perkataan maupun perbuatan. Ia bukan berasal dari Jesus tetapi dihasilkan oleh Paul, seorang berbangsa Yahudi dan Kristian yang tidak berpuas hati (*desserter*), berbekalkan kebijaksanaan yang terlindung, penafsiran yang figuratif terhadap kitab-kitab suci seolah-olah memenuhi semua syarat dan kenabian masa hadapan, bergantung kepada asas logik tentang perbalahan yang wujud di antara orang-orang Kristian pada satu pihak dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Islam (*Mahomedans*) di pihak yang lain. Selepas Stephen, orang yang menyebarkan dan membangunkan doktrin Essenic, Paul telah menghubung pengarang (*author*) agama Kristian dengan tradisi orang-orang Buddha. Paul telah meletakkan asas-asas agar dapat mencampuradukkan tradisi perbalahan dan perseteruan yang boleh dijejaki dalam kitab-kitab *the New Testaments*, dan juga yang telah dipersembahkan kepada dunia bukanlah

<sup>3</sup> *The New Catholic Encyclopaedia* (1967), art. ‘The Holy Trinity’. Vol. 14, ms. 299.

imej sejarah Nabi Isa. Bukannya Jesus, tetapi ia adalah Paul dan orang *gnostic* selepasnya yang telah membuat doktrin-doktrin asas yang mana dalam tempoh 18 abad telah diiktiraf sebagai batu asas kepada agama Kristian orthodox.”<sup>4</sup>

Perkara ini dengan terangnya menunjukkan kemukjizatan al-Quran. Mana-mana pelajar mengenai Perbandingan Agama, dengan syarat ianya berlapang dada dan bersifat positif, tidak mempunyai pilihan kecuali menerima bahawa kebenaran yang luarbiasa dan mutlak telah disampaikan oleh seorang Nabi yang ummi; buta huruf dengan menggunakan perkataan *al-dāllīn*: *orang-orang yang sesat dan menyeleweng dari kalangan orang-orang Kristian*. Ini merupakan urutan fakta yang mestilah diterima oleh setiap ahli sejarah secara rela atau terpaksa.

Saya suka menarik perhatian anda kepada persoalan linguistik iaitu kadang-kadang sesuatu perkataan boleh berubah makna dan sifatnya. Perkataan-perkataan juga mengembara sebagaimana manusia mengembara. Dan kadang kalanya ia membuang sebahagian makna asalnya ataupun menyerap pengaruh-pengaruh luaran. Terdapat banyak perkataan Arab dalam bahasa Urdu, tetapi mereka tidak lagi mempunyai makna, sifat dan intinya yang asal. Justeru itu, amat sukar sekarang untuk mencari asal usulnya dalam bahasa baru. Salah satu daripada perkataan ini ialah *dalālāt* yang digunakan untuk menyampaikan makna ketidaksahan keyakinan (*creed*), amalan serta salah faham konsep mengenai apa sahaja samada kecil atau besar. Tetapi ilmu bahasa menjelaskan kepada kita bahawa perkataan-perkataan mempunyai saiz, *tabi'i* (*temperament*) dan sebagainya samalah juga dengan objek-objek yang bersifat *tangible*. Ia amat menakjubkan bagaimana Nabi Muhammad s.a.w, orang yang tidak pernah belajar sejarah agama Kristian serta tidak mempunyai hubungan dengan penganut-penganut agama tersebut kecualilah dalam beberapa hari atau beberapa jam dalam sesuatu perjalanan, boleh membezakan di antara orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian dengan menggunakan perkataan *al-maghdūb 'alayhim* (orang yang dimurkai Allah) bagi merujuk kepada orang-orang Yahudi dan perkataan *al-dāllīn* (orang-orang yang sesat) merujuk kepada orang-orang Kristian.<sup>5</sup>

Perkataan yang digunakan oleh al-Quran bagi merujuk kepada Kristian cukup jelas menunjukkan ianya berasal daripada Allah (*divine origin*). Mungkin terdapat 10 perkataan dalam mana-mana bahasa yang merujuk kepada Kristian, atau pun terdapat 50 perkataan dalam sesuatu bahasa seperti bahasa Arab, yang lebih kurang sama maksudnya. Tetapi al-Quran memilih satu perkataan untuk membezakan mereka (Kristian) daripada Yahudi. Sejarah orang-orang Yahudi menceritakan bahawa

<sup>4</sup> Ernest De Bunsen, *Islam or True Christianity*, London (1889), ms. 128.

<sup>5</sup> Ibn Kathir.

“*kutukan dan kemurkaan*” Allah bermaksud hukuman yang mereka undang sendiri dengan penuh sedar iaitu dengan menolak panduan Illahi, mengambil yang negatif dan mengancam masyarakat manusia. Dalam beberapa abad, mereka telah mengatur komplot jahat, hujah-hujah palsu, dalam dua muka serta mempermainingkan suruhan Allah. Cara mereka mengkesampingkan rahmat Illahi amat sesuai dengan ungkapan “*orang-orang yang Engkau lakanati*”.

Sesiapa yang mengkaji *Protocol of the Learned Elders of Zion* dan *the International Jew* oleh Hendry Ford akan terkejut apabila mengetahui bahawa orang-orang Yahudi telah merancang dan merangka untuk menjatuhkan martabat kemanusiaan dari segi moral dan intelektual.

Rancangan jahat mereka amat menakutkan semua orang. Justeru itu mereka akan yakin bahawa tepat dan sesuai sekali lakanat dan kutukan Allah ke atas orang-orang Yahudi. Di sini secara ringkas kami akan bentangkan beberapa rancangan jahat orang Yahudi sebagaimana yang disebut oleh Hendry Ford:

1. Menentang orang-orang yang taat beragama, bertakwa dari mana-mana agama dan terus berusaha melemahkan pengaruh mereka serta merendahkan pandangan masyarakat ke atas mereka.
2. Menyediakan bahan-bahan bačaan yang tidak bermoral, pornografik yang jelek dari segi intelektual, logik dan etik.
3. Menyediakan asas bagi siri Peperangan Dunia dan mencipta keadaan yang akan membawa kepada peperangan.
4. Memaksa pembesar dan juga ketua-ketua kerajaan mempromosi kepentingan politik orang-orang Yahudi.
5. Merangsang kejatuhan moral dan nilai-nilai murni pemuda dan pemudi melalui penulisan, novel serta filem.

Di sini kami hidangkan sedutan sebahagian daripada *the Protocols of the Learned Elders of Zion* yang mendedahkan pemikiran jahat Yahudi.

“Kejayaan kita dicapai dengan mudah kerana dalam hubungan baik kita dengan orang tertentu yang kita kehendaki, kita senantiasa bekerja untuk mencapai hubungan yang paling sensitif mengenai minda orang ramai, wang, ketamakan, memainkan agar barang-barang keperluan menjadi tidak stabil. Satu daripada kelemahan-kelemahan manusia di atas sahaja sudah cukup untuk melumpuhkan inisiatif kerana ia telah menyerahkan segala kemahuhan dan azam manusia ke dalam tangan orang yang membeli segala kegiatan mereka”<sup>6</sup>

<sup>6</sup> *The Protocols of the Learned Elders of the Zion*, Kuwait (t.t), Protocol no. 1, ms. 30.

Namun begitu, bagi mereka yang mengkaji secara mendalam sejarah agama Kristian, akan mengesahkan bahawa orang-orang Kristian tidak sesat jalan kerana beberapa salahfaham atau tidak aktif, tetapi sebaliknya mereka telah mengambil atau melalui arah yang berlawanan dalam perjalanan mereka. Mereka adalah seumpama seorang pengembara yang semakin menyimpang dari destinasinya kerana dia menuju ke hadapan melalui jalan yang dipilih oleh dirinya sendiri. Ini sesuai dengan apa yang dikatakan oleh seorang penyair Parsi:

“Aku bimbang, kau tidak akan sampai ke Ka’bah, wahai Badwi,  
Jalan ini menuju ke Turkistan”.

Semua ini adalah hasil daripada Iradat Allah bahawa agama-agama di atas yang telah tersebar luas ke pelusuk dunia tidak dikehendaki kekal selamanya. Justeru itu, Allah tidak pernah berjanji akan menjaga dan memelihara mereka daripada sebarang penyelewengan, dan juga al-Quran tidak menyebutnya. Tetapi al-Quran menyebut bahawa paderi mereka bertanggungjawab dalam memelihara dan menjaga kitab-kitab (*scriptures*) mereka.

*“Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Tawrāt, di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya. Dengan tawrāt itu Nabi-nabi yang patuh kepada Tuhan, orang-orang alim, pendita dan paderi memutuskan perkara untuk orang-orang Yahudi, kerana mereka ditugaskan memelihara kitab Allah dan mereka menjadi saksi ke atas perkara ini”* (al-Mā’idah: 44)

Oleh kerana Allah mengatakan bahawa Dia adalah penjaga dan yang memelihara al-Quran, justeru itu Dia sebaliknya membebankan para rahib dan paderi memelihara dan menjaga kitab-kitab yang terdahulu daripada al-Quran. Tidak ada dalam mana-mana tempat dalam al-Quran yang menyatakan bahawa Allah memikul tanggungjawab memelihara dan menjaga kitab-kitab yang terdahulu itu.

Ini juga kerana agama-agama tersebut tidak pernah dianugerahkan dengan konsep *khatam al-nubuwwah* - penutup kenabian. Sebenarnya mereka tidak pernah berpegang kepada kepercayaan ini. Agama-agama terdahulu tidak pernah dijanjikan dengan kedatangan seorang nabi baru. Tetapi mereka meramalkan kedatangan seorang nabi yang dijanjikan - *messiah* (*al-masīḥ*) yang mengakibatkan mereka terpaksa berhadapan dengan nabi palsu, menyamar dalam setiap masa yang mana sebahagian mereka mempunyai pengikut yang ramai. Orang-orang Yahudi dan Kristian sentiasa sedih kerana pertarungan agama dan mental angkara nabi-nabi palsu tersebut.

Sesiapa yang meneliti dan mengkaji sejarah orang-orang Yahudi dan Kristian akan mendapati bahawa nabi-nabi palsu tersebut di kalangan Yahudi dan Kristian telah menyebabkan krisis yang berterusan kepada mereka. Mereka telah mencipta masalah yang tiada penyelesaiannya. Saya tertarik kepada apa yang ditulis oleh Dr. Sir

Muhammad Iqbal bahawa penutup kenabian (*the finality of prophethood*) merupakan tanda yang distintif serta merupakan rahmat yang agung kepada penganut-penganut Islam. Beliau, pada pendapat saya merupakan orang pertama yang menjelaskan bahawa “di dalam Islam, kenabian mencapai kemuncak kesempurnaan dengan menjelaskan keperluan untuk menamatkan kenabian itu sendiri”. Ini merupakan persepsi yang tajam iaitu kehidupan tidak boleh selama-lamanya dibiarkan dalam begitu sahaja, malah untuk mencapai kesedaran diri sepenuhnya seseorang itu akhirnya mesti dikembalikan kepada sumbernya sendiri. Penghapusan konsep paderi (*priesthood*) dan kerajaan warisan dalam Islam, galakan berterusan menggunakan akal dan pengalaman dalam al-Quran dan penekanan terhadap tabi’e dan sejarah sebagai sumber ilmu manusia semuanya merupakan aspek yang berbeza yang mempunyai idea yang sama mengenai *finality*.<sup>7</sup> Dalam lain perkataan, penutupan kenabian bermakna seseorang mesti bergantung kepada dirinya sendiri tanpa melihat ke langit mengharapkan petunjuk baru serta hendaklah menggunakan seluruh tenaganya untuk mewujudkan dunia sebagai tempat yang terbaik untuk dihuni dan juga mencipta suasana yang kondusif di dunia ini dan kejayaan di akhirat nanti. Konsep penutupan kenabian mengawal penganut-penganut Islam daripada pertikaian, kecelaruan fikiran serta terselamat daripada komplot jahat nabi-nabi palsu.

Apabila saya mula membaca mengenai sejarah Judaism dan Kristianiti, saya dapati Pope (bishop) dan pendita (rabbi) pada kemuncak intelektual mereka berusaha mencari penyelesaian kepada masalah yang berulang mengenai orang yang mendakwa sebagai nabi. Kesukaran mereka ialah mereka sejak dulu dan sekarang menghadapi kemunculan nabi palsu yang mendakwa sebagai *messiah* yang dijanjikan tetapi tiada sebarang kriteria atau satu rujukan yang dapat diterima umum dalam menentukan kebenaran atau kepalsuan dakwaan sebagai nabi.

Saya akan menyebut dua sedutan daripada sumber Yahudi dan Kristian. Salah satunya ialah dari Albert M. Hyamson, ahli *American and British Jewish Historical Societies*, yang menulis dalam *Encyclopaedia of Religion and Ethics* mengenai *pseudo-Messiah* (nabi palsu).

“Bermula dari kekalahan yang terakhir negara merdeka, orang-orang Yahudi sehingga ke beberapa generasi yang lalu, sejarah orang-orang Yahudi mengalami beberapa kemunculan dan kehilangan orang yang mengaku sebagai *messiah*, nabi-nabi harapan dalam zaman gelap Diaspora, pemimpin yang melantik diri sendiri dari bangsa Yahudi dalam proses untuk kembali ke negeri di mana nenek moyang mereka telah melarikan diri. Kemunculan seorang *messiah*, terutama dalam kes orang yang sebelumnya, biasanya

<sup>7</sup> Dr. Sir Muhammad Iqbal, *Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Lahore (1930), ms. 176-77.

diiringi dengan pemberontakan (*revolt*) dan rusuhan. Dan ini semua berlaku dalam banyak keadaan bila dan di tempat di mana kezaliman anti Yahudi adalah dominan. Begitu juga, gerakan *messiah* ini dalam banyak kes, terutamanya dalam kes-kes yang terkemudian adalah bersifat politik. Aspek keagamaan dari kebangkitan ini jarang sekali wujud. Dalam banyak contoh seorang guru baru sangat bimbang untuk mengisyaratkan kegiatannya serta menyelamatkan pengaruhnya dengan pembaharuan agama Yahudi (Judaism) di mana kesannya kadang-kadang amat memudaratkan. Dalam beberapa tempat, mazhab-mazhab baru dicipta atau diwujudkan. Dan dalam masa yang lain pengambilan secara borong ajaran Nabi Muhammad (Mohammadisme) atau ajaran Kristian mengambil tempat”.<sup>8</sup>

Ancaman terhadap kewujudan gereja dengan kemunculan sebilangan besar nabi-nabi palsu telah dijelaskan oleh Edwin Knox Mitchell, bekas profesor Greco-Roman dan Eastern Church History di Hartford Theological Seminary dalam sebuah artikel mengenai kenabian dalam agama Kristian.

“Kemunculan nabi-nabi palsu ini, yang menyamar sebagai orang yang berhikmah tidak lama dulu telah mewujudkan ketidakpercayaan dan telah mendedahkan gereja-gereja dan pemimpin-pemimpinnya kepada bahaya yang mengancam kebaikan mereka. Tetapi tidak ada ‘satu bentuk disiplin’ yang dapat menekan orang yang menjadi jurucakap atau penyamar menerima wahyu Tuhan. Tidak terdapat standard yang spesifik untuk menguji dan mencuba ‘jiwa’ tersebut. Namun begitu, standard mesti ditemui dan jika tidak ditemui, ia akan direka-reka oleh gereja untuk menjaga mereka daripada kejanggalan doktrin dan menyeleweng dari kehidupan yang normal.”<sup>9</sup>

Penyebaran nabi-nabi palsu (*pseudo-messiahs*) yang telah merangsang spekulasi eschatological, pemikiran bercelaru dan perpecahan agama di kalangan orang-orang Yahudi dan Kristian telah membantu kita menghargai sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī;

“Salah seorang pendita Yahudi pernah berkata kepada khalifah ‘Umar al-Khattāb: kamu mempunyai satu ayat dalam al-Quran di mana jika ia diwahyukan kepada kami, nescaya kami akan merayakan hari penurunannya sebagai hari kebesaran. Khalifah ‘Umar bertanya: mana satu ayat tersebut? Pendita itu menjawab: Yang ini maksudnya “Hari ini Aku telah menyempurnakan agama kamu untuk kamu dan Aku telah memilih untuk

<sup>8</sup> *Encyclopaedia of Religion and Ethic*. Vol. 10, ms. 383.

<sup>9</sup> *Ibid.*

### Konsep *Khatam Al-Nubuwah* dan Agama Yang Sempurna

kamu Islam sebagai agama". Sejurus itu Khalifah 'Umar berkata: Aku masih ingat hari dan masa bila ayat ini diwahyukan kepada Nabi (Muhammad) s.a.w, iaitu petang hari Jumaat, di padang 'Arafah'.<sup>10</sup>

Setiap patah perkataan hadith di atas patut diberi perhatian termasuk jawapan yang diberikan oleh 'Umar yang telah menjelaskan bahawa hari 'Arafah sendiri merupakan hari mulia. Justeru itu tidak perlu untuk diadakan apa-apa perayaan bagi mengenang peristiwa tersebut.

Saya juga harus memberi sedikit komen terhadap kefahaman dan perasaan di hati pendita Yahudi tersebut. Apa yang beliau perkatakan merupakan satu bukti, satu penerimaan hakikat bahawa Judaism tidak mempunyai apa-apa konsep mengenai penutupan kenabian. Hakikat ini disokong oleh kitab-kitab suci Yahudi dan juga rekod-rekod sejarah. Kalauolah pendita Yahudi tadi berada di sini hari ini, pasti kita dengan mudah akan dapat melihat dengan jelas tanda-tanda kekesalan dan kesedihan di wajahnya yang juga menerangkan nostalgia terhadap rahmat Allah kepada orang-orang Yahudi. Penyataannya juga membayangkan kecemburuannya terhadap Islam yang telah disempurnakan oleh Allah serta menjadikannya agama terakhir dan penutup bagi manusia.

Perlu dinyatakan di sini bahawa pengajaran keimanan (keyakinan) dan pemeliharaannya daripada sebarang penyelewengan wujud seiringan dalam Islam. Pengajaran tidak menuntut tahap penjagaan yang rapi sebagaimana ia dituntut dalam memelihara akidah. Islam tersebar dalam beberapa cara. Kadang-kadang raja-raja dan pembuka wilayah-wilayah baru bertanggungjawab dalam menyebar dan mengembangkan Islam. Semasa pemerintahan Walid b. 'Abdul Malik, pemerintah yang ideal, berpuluhan-puluhan juta manusia memeluk Islam semenjak kerajaannya menyaksikan peluasan wilayah yang menakjubkan dalam era kegemilangan Islam. 'Uqbah b. Nafi' telah membawa tentera-tenteranya ke Mesir, Libya, Tripoli, Algeria, Tunisia serta Morocco yang telah menyaksikan pemelukan seluruh Afrika Utara kepada Islam. Beliau menerpa ke dalam air Laut Mediteranean seraya melaung, "Oh Tuhan, kalauolah laut ini tidak menghalang perjalananku, nescaya akan ku bawa risalahMu ke dunia yang paling jauh sekali".<sup>11</sup>

Semoga Allah merahmati roh-roh para penakluk, pengasas empayar dengan balasan yang baik kerana mereka telah membawa risalah Allah ke tanah asing. Saya bukanlah orang yang tidak memberi perhatian kepada kelebihan dan khidmat mereka, dan saya tidak menyifatkan penaklukan dan pembukaan wilayah dengan tujuan kebendaan dan kemenangan semata-mata.

<sup>10</sup> *Sahīḥ al-Bukhārī*; Musnad Imām Ahmad bin Ḥanbal.

<sup>11</sup> Ibn Athīr, *Tārīkh al-Kāmil*, vol. III, ms. 42-43.

Allah telah mentakdirkan mereka berjuang pada jalanNya. Para khulafa' Bani Umayyah, raja-raja Islam telah menyebarkan risalah Allah ke setiap pelusuk negeri.

Namun begitu, dakwah Islam tidak menuntut kesempurnaan kualiti spiritual dan keseluruhan iman sebagaimana diperlukan dalam menjaga serta memelihara kesucian akidahnya. Inilah sebab kenapa tugas yang berat ini diamanahkan kepada para ulama pewaris nabi. Tidak perlu dipersoalkan saham dan sumbangan para raja serta ulama dalam penyebaran Islam. Sheikh 'Abdul Qādir al-Jilāni serta pengikut-pengikutnya telah membawa risalah Islam ke sebahagian besar Afrika. Begitu juga dengan peranan para ulama dan para saudagar.

Hadramaut telah menukar secara total negara Malaysia dan Indonesia kepada Islam. Cara Khwājā Moin al-Dīn Chisti dan para khalifahnya menyebabkan Islam diterima oleh sebahagian besar penduduk India tidak dicatat oleh sejarah. Tetapi seorang ahli sejarah sekular seperti Abū Fazl mengakui khidmat perintis mereka di atas.<sup>12</sup> Mereka yang mempunyai kedudukan istimewa dalam penyebaran dan pengajaran Islam di India ialah seperti Syed 'Ali Hamdāni, orang yang menyebabkan keseluruhan Kashmir memeluk Islam, Shaikh Ismail dari Lahore serta Khwājā Farīd al-Dīn Ganj Shakar.<sup>13</sup> Seorang tokoh sejarah abad ke 19, 'Abdul Ahad menulis bahawa setidak-tidaknya 40,000 orang telah memeluk Islam melalui Sayyid Ahmad Shaheed.<sup>14</sup>

Tanggungjawab memelihara dan menjaga Islam sekarang bergantung sepenuhnya kepada ulama. Sebuah hadith dalam *Mishkāt al-Masābiḥ* meramalkan perkara ini:

“Daripada Ibrāhīm b. ‘Abd al-Rahmān al-‘Udhāri, beliau berkata ; Rasulullah s.a.w bersabda: “Ilmu ini dipertanggungjawabkan kepada setiap orang yang jujur yang mana pasti akan ada musuhnya. Mereka berusaha menolak daripada ilmu ini penyelewengan orang-orang yang melampau, bid’ah golongan batil serta takwilan para juhālā”<sup>15</sup>

Mereka menjadi pengganti dan pewaris Nabi sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran:

“(Nabi) tidak bercakap daripada hawa nafsunya, tetapi ia merupakan daripada wahyu yang diwahyukan”. (53: 3-4)

Sebenarnya Nabi s.a.w telah berjaya meramalkan perkara ini. Cuba anda

<sup>12</sup> *Ayin-i-Akbari*, vol. I, ms. 270.

<sup>13</sup> Lihat Prof. Arnold, *Preaching of Islam*.

<sup>14</sup> 'Abdul Ahad, *Sawāneh Ahmadi*.

<sup>15</sup> *Mishkāt al-Masābiḥ*, ms. 36.

perhatikan sejarah tajdid dan pembaharuan dalam Islam, anda akan temui kebenaran kata-kata Nabi di atas. Apa sahaja yang dilakukan untuk memelihara Islam akan ditemui sebagai satu pelaksanaan tanggungjawab kenabian ini.

Sebenarnya kata-kata dan ungkapan mempunyai makna yang tertentu (tersirat), dan kata-kata yang dituturkan oleh Nabi mempunyai makna dan maksud yang lebih komprehensif dan mendalam. Tiada orang lain kecuali Nabi utusan Allah yang dapat membuat ramalan ini dengan begitu tepat. Sejarah gerakan tajdid (*revivalist*) Islam tidaklah kecuali sebagai memenuhi tuntutan hadith di atas.

Ajaran Qadiani membawa kepada bahaya yang amat serius yang mana Islam terpaksa dihadapi setakat ini. Saya berminat mengkaji trend atau aliran dan gerakan yang berkaitan dengan akidah dan pemikiran Islam. Saya berkeyakinan, melalui penyiasatan dan penyelidikan, bahawa ancaman Qadiani adalah lebih bahaya bagi Islam daripada mana-mana ajaran sesat yang pernah wujud. Aspek yang paling bahaya daripada ancaman baru ini ialah ia mendakwa sebagai sebuah agama yang sama taraf dengan Islam. Para ulama serta cendikiawan kita yang mempunyai kesempatan menulis mengenai ajaran Qadiani bagaimanapun tidak mengkaji dengan terperinci masalah dari aspek ini. Faktor utama kelemahan di atas ialah buku-buku dan penulisan daripada Qadiani sendiri berjaya menyembunyikan rancangan mereka yang sebenar. Justeru itu, ia tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh ulama-ulama yang terdahulu. Orang-orang yang cuba menentang dan menolak dakwaan ajaran Qadiani melihatnya sebagai satu aliran mazhab dalam Islam dan seterusnya mengkritik akidah dan pemikirannya dalam kerangka tersebut.

Tetapi hakikatnya, Qadiani mendakwa ianya sebagai sebuah agama yang tersendiri serta muahu mengasingkan pengikut-pengikutnya daripada masyarakat pengikut Islam. Ia mempunyai acara-acara keagamaan tersendiri, tempat-tempat suci, pusat dan qiblah, cara berfikir, buku-buku dan objek-objek serta tokoh-tokoh yang perlu disanjung serta dihormati sendiri. Semua ini menggantikan apa yang ada dalam Islam. Mereka telah sesat terlampau jauh sehingga mempunyai kalender baru serta nama bulan-bulan baru bagi menggantikan kalender Hijrah Islam. Ruangan yang terhad di sini tidak mengizinkan saya menerangkan perkara ini secara terperinci, tetapi anda boleh mendapatkannya dalam beberapa buah buku dan penulisan mengenai subjek di atas atau membaca bab “Independent Religion and Parallel Community” dalam buku saya yang bertajuk *Qadianism: A Critical Study*.

Kita tidak sepatutnya lupa fakta bahawa Qadiani adalah agama yang tersendiri yang bercita-cita untuk membentuk masyarakat pengikutnya sendiri. Mirza Ghulam Ahmad, mengikut kepercayaan Qadiani telah dimartabatkan kedudukannya lebih tinggi berbanding dengan para nabi-nabi lain. Sekali lagi suka saya merujuk kepada Dr. Sir Muhammad Iqbal yang telah dengan jayanya membongkar matlamat dan rancangan

Qadiani. Dalam jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Pandit Jawahar Lal Nehru mengenai kenapa orang-orang Islam di India sangat risau terhadap ajaran Qadiani, yang mana apa sekalipun ia masih merupakan salah satu mazhab mereka, terutamanya merujuk kepada reaksi mereka dalam kes Mustafa Kamal Ataturk yang telah memperkenalkan beberapa pembaharuan yang dianggap tidak berkaitan dengan agama.<sup>16</sup>

Dr. Sir Muhammad Iqbal menjelaskan bahawa nilai budaya, idea dan fikrah Islam mengenai penutup kenabian telah membentuk satu benteng dalaman masyarakat Islam. Saya menganggap pembelaan Iqbal terhadap Islam merupakan satu rahmat Allah, satu manifestasi daripada ayat-ayat al-Quran “*Allah adalah penguasa langit dan bumi*”. Kalaukah Iqbal pada masa tersebut masih bercelaru pemikirannya atau segan untuk membuktikan kepalsuan dan kesesatan ajaran Qadiani, tentulah ia akan menjadi amat sukar untuk memulih kepercayaan generasi muda daripada perangkap ajaran-ajaran Qadiani. Ia adalah satu rahmat daripada Allah apabila Iqbal sangat faham dan jelas terhadap ancaman ini dan beliau memberi sumbangan intelektual yang amat berharga dalam memeranginya.

Mungkin ini berpunca daripada kesungguhan dan keprihatinan serta doa para Aulia’. Dalam jawapan kepada Pandit Jawahar Lal Nehru, Iqbal menjelaskan: “Islam sebagai sebuah agama terdiri daripada satu akidah kepercayaan dan peraturan undang-undang yang seragam (uniform). Tetapi sebagai satu entiti sosial, kewujudannya bergantung kepada kepercayaan kepada penutupan kenabian. Islam boleh wujud dan bertahan dengan peraturan-peraturannya, tetapi makna kesatuan Islam berkembang daripada kepercayaan kepada penutupan kenabian Nabi Muhammad s.a.w”.<sup>17</sup>

Iqbal juga berjaya membongkar asal kewujudan ajaran Qadiani yang terpasak kemas dalam penjajahan politik di India dengan tujuan untuk membekalkan asas wahyu dalam menjustifikasi penguasaan British. Ini merupakan fakta sejarah yang diambil daripada penulisan-penulisan Mirza Ghulam Ahmad yang menulis dalam *Tiryāq-ul-Qulūb*:

“Sebahagian besar kehidupanku dihabiskan menyokong dan mempertahankan kerajaan British. Aku telah menulis banyak buku berkenaan larang jihad dan juga buku mengenai ketaatan kepada kerajaan British. Kalaukah semua buku-buku dikumpulkan pada satu tempat nescaya ia akan memenuhi 50 almari. Sebahagian buku diedarkan ke seluruh negeri seperti Arabia, Mesir, Syria, Kabul dan Rom. Aku senantiasa berusaha agar orang-orang Islam akan menyintai kerajaan British ini dengan sebenar-benarnya serta

<sup>16</sup> Artikel-artikel Pandit Jawahar Lal Nehru yang diterbitkan dalam *the Modern Review*.

<sup>17</sup> Dr. Sir Muhammad Iqbal, *Harf-i-Iqbāl*, ms. 136-7.

menghapuskan daripada hati-hati mereka hadith-hadith yang tidak berasas mengenai imam al-Mahdi, Nabi Isa (messiah) yang dahagakan darah dan (juga menghapuskan) orang yang ajaran fanatiknya telah merosakkan pemikiran orang-orang bodoh”.<sup>18</sup>

Dalam petisyen yang diserahkan oleh Mirza Ghulam Ahmad kepada Leftenan Gabenor Punjab pada 24 Feb. 1898, beliau menyifatkan diri dan keluarganya sebagai “hamba yang paling setia dan sebagai anak didik kerajaan British”.<sup>19</sup>

Dalam bahasa yang luar biasa indahnya, Iqbal mendedahkan kemiskinan jiwa serta spiritual pemimpin yang semakin merosak dalam salah satu sajak yang bertajuk *Imamat*:

Daripada hakikat imamat. Engkau perlukan daku;  
Semoga Allah melimpahi rahmat pada mereka dengan kebenaran seperti diriku  
Imam sejati abad ini, itulah diriku  
Orang yang membuat mereka terhina, sekarang dan akan datang  
Wajah kekasih terpampang di cermin kematian  
Membuatkan hidupmu semakin tertekan  
Membuatkan darahmu mendidih kerana kedujuan mereka  
Serta berikan pedang penghormatan dari al-faqr  
Imamat manusia hampir mati  
Menghambakan diri pada raja yang mencipta orang-orang Islam  
Dalam sajak lain yang bertajuk *Nabuwwat* (kenabian), Iqbal berkata:  
Gnostic, mujaddid, muhaddith dan faqih bukanlah diriku  
Apakah kedudukan anbia, aku tiada mengerti  
Hanya dalam pandangan ku dunia Islam  
Rahsia langit biru terbentang pada ku  
Detik paling kelam dalam zaman moden  
Aku memahami hakikat kebenaran seperti sinaran bebulan  
Daun Hemp adalah kenabian Muslimin  
dengan mesej authoriti dan maruah.

Beginilah ajaran Qadiani dijelaskan oleh Iqbal yang pernah belajar di Universiti Cambridge. Punjab amat beruntung mempunyai dua orang wira (di samping Syed

<sup>18</sup> Mirza Ghulam Ahmad al-Qadiani, *Tiryāq-ul-Qulūb*, ms. 15.

<sup>19</sup> Mirza Ghulam Ahmad, *Tabligh-i-Risālat*, vol. VIII, ms. 19.

Muhammad Ali Mongeri, Thana Ullah Batalvi, Anwar Shah Kashmiri, Syed Ata' Ullah Shah Bukhari, rakan-rakan, murid-murid serta Prof. Ilyas Barni dan Syed Abu al-'A'la al-Maududi yang mana sumbangan mereka yang berharga perlu dijelaskan dalam penulisan lain), iaitu Dr. Sir Muhammad Iqbal dan Zafar Ali Khan, editor *Zamindar*. Kalaulah mereka berdua ini tidak menentang ajaran Qadiani, pasti ia amat sukar sekali untuk kita menarik generasi baru (muda) kalau hanya semata-mata di peringkat awal mereka tidak dapat memahami dan menghargai perbincangan ulama. Semangat yang luarbiasa serta rayuan daripada baris-baris kata Iqbal serta kekuatan mental dan kepetahan Zafar Ali Khan telah menghalang ajaran Qadiani daripada mempengaruhi generasi baru.

Tugas menjaga dan memelihara agama kita tanpa ragu-ragu adalah satu tugas yang berat, tetapi tanggungjawab ini dibebankan kepada para ulama, para guru serta para pelajar agama (akidah). Mereka merupakan pengganti (pewaris) Nabi Muhammad s.a.w, kerana tanggungjawab ini menjadi kewajiban mereka semenjak abad pertama Hijrah lagi. Justeru itu, perhimpunan ini diadakan kena pada tempat dan masanya. Sebagaimana saya nyatakan sebelum ini, memelihara kesucian akidah dan keimanan adalah lebih sukar, payah dan perlu disegerakan berbanding dengan pengajaran dan dakwah. Ia memerlukan pemahaman yang amat mendalam mengenai target dan kesahihan realiti agama, pengetahuan mendalam dalam bahasa Arab, tafsir al-Quran, hadith-hadith nabi dan juga pengetahuan mengenai sejarah pembaharuan dan tajdid di dalam Islam. Sebagai tambahan, seseorang mesti tekun dan bijak septimana utusan-utusan Allah yang terdahulu.

Saya dapat pastikan berdasarkan penyelidikan saya sendiri bahawa kesucian akidah dan keimanan telah dikawal dan terpelihara semenjak abad ke-10H oleh para aulia' dan ulama di mana didahului oleh Shaikh Ahmad Mujaddid Al-Thani (871-1032H). Kita jarang bertemu mana-mana mujaddid yang berkaliber seperti Shaikh al-Islam Ibn Taymiyyah, tetapi tugas ini telah dilaksanakan selepas kematian mujaddid tadi oleh pusat pendidikan agama yang telah dibentuk oleh Shah Waliullah menerusi guru-guru yang dilahirkan dari pusat pendidikan tersebut. Ini merupakan satu kewajiban dan tanggungjawab yang akan diserahkan kepada anda sekarang.

Tanggungjawab anda di India hari ini ialah untuk melihat konsep dan kefahaman sebenar mengenai Islam dipelihara dengan baik dan dasar-dasarnya kekal tidak digoyah. Ini adalah tugas yang amat berat kepada para pelajar serta ulama daripada institusi akidah kerana tanggungjawab ini hanya boleh dilaksanakan oleh mereka sahaja. Untuk mencapai tujuan tersebut, anda seharusnya berjuang di barisan hadapan sebagaimana yang dijelaskan oleh baginda Nabi s.a.w dalam kata-kata yang telah disebut sebelum ini. Nabi s.a.w telah memberitahu kita semua tentang bahaya yang akan menentang atau menghalang Islam. Mereka itu adalah penyelewengan orang-orang yang melampau, bid'ah golongan batil serta takwilan para *juhālā'*.

Sesiapa sahaja daripada anda boleh mengumpulkan pemikirannya dan cuba mencari bahaya ancaman pada aspek-aspek lain terhadap keseluruhan akidah dan kepercayaan kita, tetapi saya berkeyakinan bahawa setiap orang daripada golongan di atas terangkum dalam kategori yang disebutkan di atas. Mereka yang digelar sebagai Nabi-nabi palsu, ahli-ahli bid'ah, orang yang tidak takutkan Allah (*blasphemers*) sebenarnya golongan modernis yang menyimpang, pengikut-pengikut kepada orang yang tidak menerima upacara dan adat (wahyu), golongan Batiniyyah dan mazhab-mazhab heterodox - semua ini tergolong dalam salah satu klasifikasi ancaman terhadap Islam yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. Buku yang masyhur oleh Shahristānī, *Tārīkh al-Milal wa al-Nihāl* masih lagi relevan dan terdapat juga buku-buku terbaru lain mengenai tajuk di atas. Anda mungkin boleh mengambil mana-mana mazhab atau aliran yang menyeleweng (*misguided*) daripada buku-buku ini dan anda akan dapat mereka terjatuh samada dalam kategori penyelewengan orang-orang yang melampau, bid'ah golongan batil serta takwilan para *juhālā*'. Untuk mendedahkan bahaya-bahaya ini merupakan khidmat yang sangat besar yang dapat dilakukan oleh para ulama' kita hari ini.

Apakah dia latar belakang ajaran Qadiani? Bagaimana dia berjaya menarik perhatian golongan yang tidak berpuashati hari ini? Kalaulah anda cuba untuk menjawab persoalan-persoalan ini, anda akan dapat bahawa kecelaruan mental, dakwaan yang berasas kepada tahap spiritual, inspirasi serta visi yang indah disediakan agar diterima oleh masyarakat. Orang ramai tidak menyedari fakta bahawa pembaharuan kepercayaan yang sebenar terus berjalan tanpa henti semenjak dulu kala. Dan tugas ini senantiasa menuntut penyataan semula oleh hakikat agama sebagaimana juga menuntut perjuangan menentang aliran-aliran yang mengancam yang tumbuh setiap masa. Berhati-hati iaitu anda mesti mananam keyakinan terhadap kekuatan Islam, masa depan yang gemilang serta dalam suasana dipandu oleh al-Quran kepada generasi-generasi baru. Bahaya-bahaya yang lain yang tidak kurang bahayanya daripada ajaran Qadiani sedang bergerak melalui jalan yang sama. Generasi muda moden terpelajar kita tidak mengetahui bahawa Islam tidak pernah hilang kepentingannya; ia masih berkemampuan, sebagaimana yang lepas-lepas untuk memperkasakan budaya dan peradaban. Para penjaga Islam, mujaddid, para ulama dan pejuang senantiasa mengorbankan kehidupan mereka untuk perkara ini. Hakikat agama dan al-Quran tidak pernah hilang kepada dunia, dan masyarakat orang-orang beriman tidak pernah berijmak untuk melalui jalan yang tidak betul. Ia bukan suatu yang berlebihan sama sekali sekiranya saya mendakwa bahawa tiada satu tempoh masa walaupun sesingkat setahun atau enam bulan yang berlalu dalam dunia Islam di mana tiada seorang pun yang menjelaskan kebenaran atau pun dasar-dasar agama dibiarkan begitu sahaja. Kenyataan ini mengesahkan jangkaan dan ramalan Nabi s.a.w yang pernah berkata: "*pengikut-pengikut ku tidak akan berpaku dalam perkara kesesatan*".

Anda semua seharusnya memikul tanggungjawab ini. Ini merupakan tanggungjawab yang sebenar dan positif. Anda mesti mengisi keyakinan kepada generasi baru mengenai keabadian (*eternity*), dan kemampuan al-Quran dan Syariah untuk menyelesaikan masalah baru dan yang sukar setiap zaman. Anda sepatutnya memperbaharui ilmu-ilmu Islam untuk tujuan di atas. Satu kesilapan ialah percaya bahawa orang-orang Islam telah hilang kekuatan mental serta cabang-cabang pembelajaran Islam tidak lagi berguna. Kita diseliputi kegelapan yang telah menelan kita sejak berkurun lamanya. Salah faham terhadap konsep seperti ini akan menyebabkan munculnya orang yang mengaku sebagai nabi. Anda mesti dari satu aspek mengambil langkah mempertahankan diri dalam setiap detik, dan dari aspek lain mesti berani untuk menafsir semula keyakinan dan kepercayaan dalam bentuk bahawa kemampuan Islam seiringan dengan zaman dan juga membawa dunia memahami semua di atas. Mungkin di sana wujud pelbagai agama yang lenyap dengan berlalunya masa, tetapi apa yang anda harus lakukan ialah menyediakan panduan kepada orang-orang yang beriman, merungkaikan masalah-masalah baru abad ini serta mempertahankan orang-orang Islam daripada segala ancaman dan mara bahaya. Inilah kualiti yang istimewa yang dimiliki oleh ulama' dan cendikiawan serta para pemimpin kita.